

01/02/1997

Dadah perlu tindakan lebih berkesan

MENGIKUT Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1983), sesiapa yang disabitkan kesalahan memiliki lebih 15 gram heroin atau 200 gram ganja akan dikenakan hukuman mandatori digantung hingga mati. Sejak undang-undang itu dikuatkuasakan ramai yang sudah dibicarakan dan disabitkan kesalahan mengedar dadah. Ada yang sudah pun menjalani hukuman itu dan selebihnya menunggu rayuan mereka untuk dipertimbang dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan.

Penguatkuasaan undang-undang itu dengan jelas menunjukkan ketegasan kerajaan untuk memerangi habis-habisan gejala dadah di kalangan penduduk di negara ini. Menurut laporan akhbar, jumlah penagih dikatakan semakin meningkat. Setiap hari mereka memerlukan bekalan heroin dan dadah lain yang menjadi bahan ketagihan mereka. Satu butir kecil heroin kini dijual kepada penagih dengan harga RM10 dan tidak sukar kita membayangkan wang yang diperlukan oleh setiap penagih jika dia memerlukan paling kurang tiga dos dadah itu setiap hari. Lambat laun, penagih terbabit akan terjerumus ke kancah jenayah bagi menyara penagihan mereka. Apa yang lebih menyedihkan ialah kebanyakan penagih di negara ini adalah Melayu. Bayangkan apa yang akan terjadi kepada bangsa dan negara kita jika kerajaan tidak mengambil langkah pembanterasannya habis-habisan bagi menghapuskan gejala dadah ini.

Oleh itu, kita menyokong usaha kerajaan untuk menggubal undang-undang bagi membolehkan pemilik dan pengusaha pusat hiburan didakwa sebagai pengedar dadah jika pengunjung menjadikan premis mereka sebagai tempat kegiatan pengedaran atau penagihan dadah. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan langkah kerajaan itu berkata, undang-undang itu yang akan digubal tidak lama lagi bertujuan mencegah kegiatan penagihan dan pengedaran dadah, terutama pil khayal jenis ecstasy di pusat hiburan.

Tidak dapat dinafikan sejak kebelakangan ini, penggunaan pil Ecstasy semakin berleluasa di disko. Dari Januari hingga Disember tahun lalu, 20,276 biji pil Ecstasy dirampas dan 51 orang ditahan di seluruh negara. Dalam beberapa serbuan yang dilakukan polis ke disko, pil ecstasy adalah antara dadah yang ditemui di lantai, dipercayai dibuang pengunjungnya. Pengambilan pil yang dikatakan berasal dari Belanda itu kononnya meningkatkan keseronokan seseorang itu menari dan mendengar muzik rock. Pil yang dijual dengan harga antara RM50 hingga M150 itu dikatakan diedar oleh pihak tertentu di pusat hiburan berkenaan.

Mungkin pemilik dan pengusaha pusat hiburan itu tidak terbabit dalam kegiatan pengedaran tetapi adalah mustahil mereka tidak mengetahui atau mengenali orang yang menjual dadah itu di premis mereka. Pengusaha disko sudah pasti mengupah pengawal yang lebih dikenali sebagai bouncer di premis mereka dan sudah tentu pekerja berkenaan sudah dapat mengenali pengedar terbabit. Persoalannya ialah kenapa pengusaha terbabit tidak melaporkan kegiatan itu kepada polis? Kita tidak boleh menolak kemungkinan pemilik atau pengusaha terbabit bimbang keselamatannya atau menutup mata kerana mahu premisnya terus menjadi tumpuan pelanggan.

Kalau bimbang memberi maklumat mengenai pengedarnya, sekurang-kurangnya pengurusan pusat hiburan boleh bertindak dengan mengusir pengunjung yang didapati dalam keadaan khayal kerana menggunakan pil itu. Kita rasa tidak susah untuk mengenali pengunjung yang sedang khayal, seperti juga kita mudah mengenali seseorang yang mabuk arak.

Oleh itu pemilik atau pengusaha pusat hiburan harus dipertanggungjawabkan jika berlaku kegiatan dadah di tempat mereka. Merekalah yang mengetahui apa yang berlaku di premis mereka sendiri. Kita rasa tidak keterlaluan jika kerajaan mendakwa mereka sebagai pengedar mengikut Akta Dadah Merbahaya. Kita juga rasa tidak keterlaluan jika pemilik pusat hiburan berkenaannya didakwa mengikut undang-undang yang mengenakan hukuman mati mandatori. Kalaulah hukuman mati dianggap terlalu drastik, mungkin mereka boleh didakwa mengikut satu undang-undang, sama seperti Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya yang menetapkan hukuman penjara maksimum seumur hidup dan sebatan rotan minimum 10 kali jika sabit kesalahan memiliki dadah kurang 15 gram.

Kita rasa usaha membanteras penagihan dan pengedaran dadah memerlukan undang-undang yang berkesan bagi memastikan semua pihak, terutama yang terbabit dengan penyediaan tempat hiburan turut memberi kerjasama.

(END)